

Ruj. Kami : ANM.PK.D/600-2/5 Jld 3(2)
Tarikh :10 Januari 2024

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs Dr. / Tuan / Puan,

**PERMOHONAN KELULUSAN PEMBAYARAN DI BAWAH ARAHAN
PERBENDAHARAAN 58(a)**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 5/2023, (**Lampiran C : Garis Panduan Tatacara Pengurusan Bayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) - Pembayaran Yang Memerlukan Kebenaran Khas**) adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs Dr. / Tuan / Puan, tempoh bayaran di bawah AP58(a) hendaklah diselesaikan segera **sebelum atau selewat-lewatnya pada 30 April 2024**. Pembayaran selepas tarikh ini perlu mendapatkan kelulusan Perbendaharaan Malaysia.

3. Oleh yang demikian, YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs Dr./Tuan / Puan adalah diminta untuk merujuk SPANM Bil. 5/2023, Lampiran C terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan kelulusan pembayaran di bawah AP58(a) kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perak bagi mengelakkan permohonan tersebut dikuiiri. Senarai semak permohonan adalah seperti di lampiran.

4. Perhatian dan komitmen YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs Dr. / Tuan / Puan berkenaan perkara ini adalah amat diharapkan bagi memastikan pembayaran AP58(a) berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

**UNIT PENGURUSAN DANA
JANM NEGERI PERAK**